

# Laut jadi 'teman' Awang

Sinar Harian 10/3/18 m/s 20

Usia bukan halangan terus cari rezeki di lautan

NORADILA MAHAMAD

GONG BATU

Usia 75 tahun masih lagi mencari rezeki sebagai seorang nelayan bagi menyara keluarga dan menganggap laut sebagai 'temannya'.

Awang Husin dari Kampung Pengkalan Gelap, di sini berkata, dia sudah biasa dengan pekerjaan itu sejak berusia belasan tahun dulu.

Menurutnya, ketika ber-

umur 15 tahun dia telah bergelar nelayan sehinggalah sekarang ini walaupun dia kini di usia emasnya.

"Dulu bot pergi ke laut guna layar kerana pada masa itu masih tiada enjin seperti sekarang ini, jika tidak ada angin kena berkayuh.

"Akhir 60-an baru nelayan guna enjin tapi tak ramai kerana harganya yang mahal dan masih ada yang guna layar," ceritanya.

Bapa kepada lapan anak itu berkata, harga ikan seperti ikan kembung ketika zamannya dulu murah, hanya RM4 untuk 100 ekor.

"Dulu tak guna timbang, harga juga ditentukan berdasarkan jumlah ikan bukan kilogram seperti sekarang," katanya.

"Dulu harga diletak



Awang memeriksa enjin bot ketika musim tidak dapat keluar mencari rezeki di laut.

mengikut dengan jumlah bilangan ikan atau dikaut dengan kedua belah tangan," katanya.

Ditanya mengenai kenangan pahit ketika ke laut, Awang berkata, bot yang dinaikinya hampir tenggelam

kerana dilanda ribut.

"Saya bersyukur kerana ketika kejadian bot sudah menghampiri pantai kira-kira

info

• Jadi nelayan sejak usia 15 tahun, tidak pernah

serik turun ke laut meskipun berdepan pelbagai cabaran.

300 meter.

"Saya gagahkan diri berkayuh walaupun air sudah masuk dalam bot dan akhirnya sampai ke darat dengan selamat," katanya.

Kini, Awang masih lagi mahu menjadi nelayan walaupun sudah berumur dan tidak pernah terlantas untuk berhenti melakukan pekerjaan itu.

"Laut ibarat teman dan jika tak dapat ke laut, tetap juga mahu ke jeti berjumpa rakan nelayan," katanya.